LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) adalah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia yang bertanggungjawab memajukan pergerakan Pertubuhan Peladang di seluruh negara mempelawa warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan dan tidak melebihi 54 tahun pada tarikh lantikan serta berkelayakan dan bermotivasi tinggi untuk mengisi jawatan-jawatan berikut:

'JAWATAN KOSONG'

PEGAWAI UNDANG-UNDANG

1.	(A)	Jawatan	:	Pegawai Undang-Undang
	(B)	Gred Jawatan	:	L41
	(C)	Kumpulan Perkhidmatan	:	Perundangan & Kehakiman
	(D)	Taraf Jawatan	:	Tetap
	(E)	Gred Gaji	:	P1 RM2,248.08 - P1 RM5,536.08

Bidang Tugas

Memberi nasihat Perundangan dalam semua urusan fungsi tugas Ketua Pengarah LPP dan fungsi tugas Urusan Pendaftar PP serta Ketua Pendaftar Koperasi Berasaskan Pertanian. (Akta 110, Akta 109, Akta 502 dan Akta 605, dan lain-lain Akta yang berkaitan dengan Fungsi LPP dan PP)

Syarat-syarat Lantikan

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

   (Gaji permulaan ialah pada Gred L41 : P1 RM 2,248.08)

   (ii) Lulus Peperiksaan Akhir Peguam (Bar Final Examination);

   (Gaji permulaan ialah pada Gred L41 : P1 RM 2,248.08)

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

JURUTERA

2.	(A)	Jawatan	:	Jurutera
	(B)	Gred Jawatan	:	J41
	(C)	Kumpulan Perkhidmatan	:	Kejuruteraan
	(D)	Taraf Jawatan	:	Tetap
	(E)	Gred Gaji	:	P1 RM 2,359.72 - P1 RM 5,559.76

Bidang Tugas

Berkaitan kerja-kerja teknikal dan pengurusan di dalam bidang Kejenteraan Ladang, Industri Pemprosesan Makanan, Lepas Tuai dan Pembinaan Bangunan.

Syarat-syarat Lantikan

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) Ijazah Sarjana muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred J41:P1 RM 2,359.72)

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Keutamaan diberi kepada pemegang ijazah pengkhususan dalam bidang berikut :

a) Kejuruteraan Pertanian
b) Kejuruteraan Mekanikal
c) Kejuruteraan Awam

PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT

3.	(A)	Jawatan	:	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
	(B)	Gred Jawatan	:	F29
	(C)	Kumpulan Perkhidmatan	:	Perkhidmatan Sistem Maklumat
	(D)	Taraf Jawatan	:	Tetap
	(E)	Gred Gaji	:	P1 RM 1,745.69 - P1 RM 3,574.17

Bidang Tugas

Bertanggungjawab dalam membangun program baru untuk sesuatu sistem gunaan komputer, mengembangkan sistem komputer yang sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa menyelenggara sistem dan memberi latihan serta bantuan teknikal kepada pihak pengguna.

Syarat-Syarat Lantikan

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) diploma dalam bidang Sains Komputer atau Teknologi Maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya :

(Gaji permulaan ialah pada Gred F29 : RM 1,745.69); atau

(d) diploma dalam bidang Kejuruteraan Elektronik (Komputer) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F29 : RM 1,820.89)

dan (e) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PEMBANTU EHWAL EKONOMI

4.	(A)	Jawatan	:	Pembantu Ehwal Ekonomi
	(B)	Gred Jawatan	:	E17
	(C)	Kumpulan Perkhidmatan	:	Ekonomi
	(D)	Taraf Jawatan	:	Tetap
	(E)	Gred Gaji	:	P1 RM 928.74 - P1 RM 2,527.73

Bidang Tugas

Membantu Pengurusan Pertubuhan Peladang, mengurus dan mentadbir Pertubuhan Peladang Kawasan dalam pelaksanaan projek-projek ekonomi, perniagaan, keahlian, kredit dan hal ehwal sosial Pertubuhan Peladang.

Syarat-Syarat Lantikan

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) Sijil Institut Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred E17: P1 RM 1,323.52); atau

(ii) Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia (Pertanian) atau Sijil Pelajaran Malaysia kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred E17: P1 RM 928.74);

(iii) Sijil Kemahiran Pertanian dari NATC yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred E17: P1 RM 928.74);

dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(e) Keutamaan bagi calon yang mempunyai Sijil Institut Pertanian (SIP).

PEMBANTU AKAUNTAN

5.	(A)	Jawatan	:	Pembantu Akauntan
	(B)	Gred Jawatan	:	W17
	(C)	Kumpulan Perkhidmatan	:	Kewangan
	(D)	Taraf Jawatan	:	Tetap
	(E)	Jadual Gaji	:	P1 RM 928.74 - P1 RM 2,527.73

Bidang Tugas

Menguruskan perakaunan dan pengurusan kewangan Pertubuhan Peladang (PP) atau melaksanakan kerja pengauditan atau melaksanakan tugas-tugas kewangan Lembaga Pertubuhan Peladang. Perlaksanaan tugas tertakluk kepada penempatan.

Syarat-syarat Lantikan

1. Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

(a) warganegara Malaysia.

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut; atau

(Gaji permulaan ialah pada Gred W17: P1 RM 985.13); atau

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W17: P1 RM 985.13); atau

(iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia Peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred W17: P1 RM 1,154.33); atau

(iv) sijil dalam bidang pengurusan perniagaan atau penyimpan kira-kira yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W17: P1 RM 1,379.92);

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT

6.	(A)	Jawatan	:	Pembantu Setiausaha Pejabat
	(B)	Gred Jawatan	:	N17
	(C)	Kumpulan Perkhidmatan	:	Pentadbiran & Sokongan
	(D)	Taraf Jawatan	:	Tetap
	(E)	Jadual Gaji	:	P1 RM 983.43 - P1 RM 2,526.03

Bidang Tugas

Bertanggungjawab untuk memastikan urusan harian di pejabat pegawai Kumpulan Pengurusan tertinggi/pegawai Kumpulan Pengurusan dan professional (yang memenuhi kelayakan) berjalan lancar dan memberi perkhidmatan Kesetiausahaan seperti menaip, menyediakan surat- menyurat, laporan dan pengurusan fail. Disamping itu, memastikan semua keperluan rasmi pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (yang memenuhi kelayakan) dikendalikan secara cekap dan berkualiti tinggi serta mengawal selia jadual kerja supaya teratur.

Syarat-syarat Lantikan

1. Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

(a) warganegara Malaysia.

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus ujian masuk mengambil trengkas atau nota rintas (note taking) dengan kederasan 20 p.s.m daripada rencana dan menaip salinan trengkas sederas 15 p.s.m. dengan kesalahan tidak melebihi 4%.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17 : P1 RM 983.43)

(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan Komputer)

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)

7.	(A)	Jawatan	:	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
	(B)	Gred Jawatan	:	N17
	(C)	Kumpulan Perkhidmatan	:	Pentadbiran & Sokongan
	(D)	Taraf Jawatan	:	Tetap
	(E)	Jadual Gaji	:	P1 RM 927.03 - P1 RM 2,526.03

Bidang Tugas

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi)

Syarat-syarat Lantikan

1. Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

(a) warganegara Malaysia.

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17 : P1 RM 927.03)

(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan Komputer dan atau mengambil trengkas)

dan (d) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

PENJAGA JENTERA ELEKTRIK

8.	(A)	Jawatan	:	Penjaga Jentera Elektrik
	(B)	Gred Jawatan	:	R17
	(C)	Kumpulan Perkhidmatan	:	Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir (R)
	(D)	Taraf Jawatan	:	Tetap
	(E)	Jadual Gaji	:	P1 RM 1,318.42 - P1 RM 2,334.61

Bidang Tugas

Bertanggungjawab membaiki sebarang kerosakan elektrik dan memulihkan perkakas sub voltan rendah serta membuat ujian elektrik pada setiap masa serta menyelenggara dan memeriksa semua pendawaian,suis,starter panel and control panel serta motor elektrik.

Syarat-syarat Lantikan

1. Calon lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

   (a) warganegara Malaysia.

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) (i) PMR ke bawah dan Sijil Kompetensi atau tamat tingkatan 3 Sekolah Menengah rendah bantuan penuh kerajaan dan sekurang-kurangnya mempunyai sijil AO (Sistem Pepasangan kilang-kilang) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred R17: P1 RM 1,318.42);

TEMPOH PERCUBAAN

Semua lantikan ke jawatan seperti di atas dikehendaki melalui tempoh percubaan antara 1 hingga 3 tahun dan boleh disahkan dalam perkhidmatan setelah lulus peperiksaan dan syarat-syarat lain yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan jawatan berkenaan.

CARA MEMOHON:

(i) BAGI CALON-CALON LUAR LPP

(a) Permohonan dari calon-calon luar LPP (termasuk yang sedang berkhidmat dengan kerajaan) hendaklah dibuat melalui laman web Jobs Malaysia (Kementerian Sumber Manusia) di *http://www.jobsMalaysia.gov.my*

(b) Semua permohonan tidak perlu dicetak/dipos ke Lembaga Pertubuhan Peladang.

(ii) BAGI ANGGOTA LANTIKAN LPP

Permohonan dari kalangan *"staff"* LPP hendaklah menggunakan 'Borang Permohonan Pekerjaan' yang boleh didapati di laman web LPP (*http://www.lpp.gov.my*) dan disertakan salinan sijil-sijil akademik/transkrip, kad pengenalan (yang disahkan), penama untuk rujukan serta sekeping gambar berukuran passport dan menulis nama jawatan yang dipohon di sebelah atas penjuru kiri sampul surat. Pemohon tidak perlu mendaftar di laman web JobsMalaysia.

Permohonan dihantar terus kepada:

KETUA PENGARAH,
LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG,
MENARA LPP,
NO.20, JALAN SULTAN SALAHUDDIN,
50480 KUALA LUMPUR
(u/p: Bahagian Khidmat Pengurusan)

TARIKH IKLAN : 15 JANUARI 2013 (SELASA)

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 02 FEBRUARI 2013 (SABTU)